



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 DECEMBER 2016



DR. MAHATHIR MOHAMAD berbual dengan Nurul Izzah Anwar sambil diperhatikan oleh Lim Kit Siang semasa Konvensyen Parti Amanah Negara di Shah Alam, semalam. - MINGGUAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Dalam mencapai matlamat tumbang kerajaan memerintah

PPBM tolak nasihat Pas, tetap bersama DAP

um- 11/12/2016

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**
dan **FAZRINA AYU RADUIAN**
pengarang@yahoo.com.my

■ SHAH ALAM 10 DIS.

PARTI Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bukan setakat menolak nasihat Pas supaya tidak bekerjasama dengan DAP, malah menyifatkan nasihat itu tidak berasas selain menganggap Pas merupakan sebuah parti yang keliru.

Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebaliknya terus dengan pendirian untuk bekerjasama dengan DAP bagi mencapai matlamatnya menubuhkan kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Saya fikir Pas keliru, sekarang mereka mentadbir Selangor bersama PAN dan DAP sedangkan pada masa sama tidak mahu bersama mereka (PAN dan DAP).”

“Mereka yang perlu menyatakan pendirian sama ada mahu bersendirian, bersama UMNO atau bersama pembangkang yang



Mereka yang perlu menyatakan pendirian sama ada mahu bersendirian, bersama UMNO atau bersama pembangkang yang lain termasuk Amanah (PAN) dan DAP”

MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi PPBM

lain termasuk Amanah (PAN) dan DAP,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Konvensyen PAN di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini hari ini.

Yang hadir sama pada konvensyen itu ialah Presiden PAN, Mohamad Sabu; Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Timbalan Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar.

Pada 7 Disember lalu, Timbalan Mursyidul Am Pas, Datuk Ahmad

Yaakob dilapor menasihatkan PPBM supaya menjalinkan kerjasama dengan parti itu dan meninggalkan DAP.

Menurutnya, DAP hanya ingin mempergunakan pengaruh pemimpin PPBM khususnya Dr. Mahathir untuk meraih sokongan rakyat terutama orang Melayu semata-mata.

Malah jelas Ahmad, kerjasama antara PPBM dengan Pas adalah jauh lebih baik daripada mereka terus bersama DAP dan PAN.

Dalam pada itu, Mahathir ketika ditanya mengenai pendirian rasmi PPBM untuk menyertai pakatan harapan diketuai DAP bersama PKR dan PAN di bawah satu logo berkata, perkara itu akan dibincangkan melibatkan jawatankuasa kepimpinan parti dalam tempoh terdekat ini.

Walau bagaimanapun beliau menegaskan, mana-mana pihak yang cuba mewujudkan situasi pertandingan tiga penjurua atau lebih dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) merupakan penyokong kepada Barisan Nasional (BN).